

26 SEP 2000

MAHATHIR-KREDIT-MIKRO/I

KREDIT-MIKRO BERI KUASA KEPADA KAUM WANITA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sementara program kemudahan kredit mikro telah meningkatkan lagi keupayaan kaum wanita luar bandar untuk mencapai pemeraksanaan ekonomi rumah tangga, desa-desa dan masyarakat mereka, masih terdapat banyak bukti dari rantau Asia Pasifik yang menunjukkan pengaruh yang besar terhadap ideologi jantina ke atas kehidupan kaum wanita sebagai peminjam.

Namun demikian, Perdana Menteri berkata kajian daripada empat program kredit mikro di Bangladesh menunjukkan secara puratanya, 39 peratus daripada pelanggan-pelanggan wanita mempunyai kuasa yang sedikit ataupun tiada langsung ke atas kegunaan pinjaman-pinjaman mereka.

"Terdapat kes-kes di mana wanita-wanita memohon pinjaman bagi pihak suami masing-masing dan akhirnya, merekalah yang terpaksa membayar balik hutang-hutang itu," kata beliau ketika berucap pada majlis perasmian mesyuarat kedua Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Rantau Asia Pasifik (RSC-AP) di sini hari ini.

Bagaimanapun, di Malaysia, beliau berkata kerajaan telah mengambil langkah dengan memastikan bahawa halangan-halangan jantina dihapuskan.

"Kejayaan Amanah Ikhtiar Malaysia, dengan peruntukan kewangan RM200 juta sebagai kemudahan pinjaman adalah contoh yang menunjukkan kepekaan kerajaan ke atas peranan dan keperluan wanita-wanita luar bandar," kata beliau.

Peruntukan kerajaan sebanyak RM50 juta untuk melaksanakan projek-projek perkongsian pintar mengenai wanita dengan NGO (pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan) wanita juga adalah satu lagi langkah kerajaan, tambah beliau.

"Usaha-usaha selanjutnya perlu diambil bagi menjamin pelarasan jantina, di mana belanjawan mengikut jantina patut diberi keutamaan," kata Perdana Menteri.

Sejak tahun 1992, beliau berkata, Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa, begitu juga dengan RSC-AP telah mengadakan usaha-usaha khas yang menggesa sokongan padu politik kerajaan-kerajaan nasional, dengan sasaran ke atas wanita-wanita luar bandar dalam program-program membasmi kemiskinan.

Berikutan kesedaran inilah, jumlah institusi-institusi kredit mikro di rantau ini telah meningkat.

Menurut data susulan kepada kemuncak kredit-mikro 1997 seluruh dunia, 14 juta keluarga termiskin dunia telah diliputi daripada sejumlah 1,065 institusi kredit mikro berbanding dengan lapan juta dalam tahun 1997.

Wanita-wanita luar bandar, kata beliau telah mencapai reputasi antarabangsa sebagai "risiko kredit baik", dengan kadar pembayaran balik yang tinggi dan reputasi sedemikian telah menjadikan mereka keutamaan untuk program kredit berorientasikan kemiskinan.

Menyentuh mengenai pemeraksanaan "jantina" seperti contoh di atas, beliau berkata, penyelesaiannya ialah melibatkan suami sebagai peserta bersama, selepas menjalani program wajib "kepekaan jantina".

Dengan itu, pasukan "suami isteri" itu boleh memperbesarkan perusahaan mikro menjadi perusahaan keluarga dengan mempunyai kewajipan dan tanggungjawab dalam membuat keputusan yang sama rata.

Dalam ucapan pembukaannya, Dr Mahathir juga telah menyentuh pentingnya teknologi komunikasi maklumat (ICT) untuk wanita-wanita luar bandar, di mana strategi-strategi khas perlu melibatkan wanita-wanita luar bandar, termasuk beliawanis luar bandar di dalam latihan celik dan kemahiran komputer.

Beliau berkata Grameen Bank, Bangladesh, begitu juga dengan institusi-institusi kredit mikro yang terkemuka, sekali lagi telah menerajui cara untuk memperkasa kaum wanita luar bandar yang miskin melalui penggunaan ICT.

Grameen Bank, tambah beliau, telah menyediakan kemudahan prasarana komunikasi asas seperti telefon berkuasa solar Grameen dan Internet Grameen.

Di Malaysia, dua projek percubaan mengenai celik komputer/penggunaan Internet telah diperkenalkan untuk mendidik wanita-wanita luar bandar mengenai institusi kredit mikro, Amanah Ikhtiar Malaysia. -- BERNAMA

SHO FR AA OS